

# Dr. Rahmah CEO baharu MQA

**KUALA LUMPUR 3 Jan.** - Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) mengumumkan pelantikan Datuk Dr. Rahmah Mohamed sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) baharu berkuat kuasa semalam, menggantikan Prof. Datuk Dr. Rujhan Mustafa yang bertukar jabatan.

Menurut MQA, Rahmah merupakan pemegang Ijazah Kedoktoran dalam Biokimia dari University of Queensland, Australia dan merupakan Naib Canselor di INTI International University sebelum menyertai MQA.

“Beliau memulakan kerjayanya sebagai tutor di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan kemudiannya dilantik sebagai pensyarah, Profesor Madya dan Profesor.

“Semasa memegang jawatan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UKM, beliau telah membawa banyak peruba-

han terutamanya dalam bidang inovasi dan pengkomersialan hasil penyelidikan,” jelasnya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah MQA, antara pencapaian Rahmah adalah dalam bidang genom bakteria tropika yang membawa kepada penghargaan di peringkat nasional dan antarabangsa, antaranya Anugerah Saintis Muda Sedunia Akademi Dunia Ketiga,

Anugerah Saintis Muda Negara, Anugerah British Council, Alumni Antarabangsa Universiti Queensland Australia, Malaysian Australian Distinguished Alumni Award dan Anugerah Kecemerlangan Pendidikan Swasta (Pengkomersialan Penyelidikan).

“Sumbangan beliau terhadap kemajuan sains biologi telah diiktiraf dengan pemilihannya sebagai Felo dan Ahli Majlis di Akademi Sains Malaysia,” jelas MQA.



**RAHMAH MOHAMED**